



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

STEVEN SIM FOKUS ABCD BAGI EKOSISTEM PMKS DI MALAYSIA

PUTRAJAYA, 18 Disember – Hari ini, hari pertama saya melaporkan diri di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi selepas rakan-rakan anggota Jemaah Menteri yang baru mengangkat sumpah semalam.

Saya telah bermesyuarat dengan Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian, Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud semalam dan pada pagi ini bersama seluruh pengurusan tertinggi Kementerian.

Ini bukan peralihan pertukaran kerajaan, ini rombakan di pertengahan penggal (mid-term) dalam kerajaan yang sama. Justeru, saya telah menegaskan bahawa tidak wajar berlaku sebarang gangguan pada operasi Kementerian untuk menyambut saya dan Timbalan Menteri baru.

KUSKOP mendapat mandat penting daripada YAB Perdana Menteri untuk memastikan pertumbuhan ekonomi rakyat melalui pemerkasaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) serta gerakan koperasi.

Amat penting buat Kementerian memahami cabaran dan kesukaran persekitaran perniagaan (business environment) berikutan pola ekonomi dunia dan domestik.

Oleh itu, hari ini, saya telah menggariskan satu strategi bagi memfokuskan usaha seluruh warga KUSKOP bagi mencapai mandat mengemudi pertumbuhan perniagaan Malaysia:

- A. Anjakan Produktiviti (Accelerate productivity)
- B. Birokrasi Dipermudah (Bureaucracy reduction)
- C. Capaian Modal (Capital accessibility)
- D. Daya Akses Pasaran (Develop market access)

Dalam tempoh-tempoh yang akan datang, KUSKOP akan memberi fokus kepada dasar, program dan perundangan yang berpandukan strategi ABCD di atas.

Bagi membuktikan kesungguhan KUSKOP, dalam hari pertama ini, setelah bermesyuarat dengan pengurusan tertinggi, saya telah membuat tiga keputusan yang akan berkuat kuasa dengan kadar segera:

1. Moratorium enam (6) bulan tanpa faedah akan diberikan kepada PMKS dan koperasi yang terjejas akibat bencana banjir di seluruh negara. Moratorium ini merangkumi pinjaman daripada 7 agensi di bawah KUSKOP iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), SME Corp. Malaysia, TEKUN Nasional, Bank Rakyat, SME Bank, Perbadanan Nasional Berhad dan Amanah Ikhtiar Malaysia.
2. Atas dasar pemerksaan PMKS merentas semua kaum, dana pembiayaan Bumiputera di bawah TEKUN akan dinaikkan daripada RM300 juta tahun ini kepada RM500 juta pada 2026 iaitu pembiayaan untuk usahawan India melalui Skim Pembiayaan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) akan dinaikkan daripada RM30 juta tahun ini kepada RM50 juta dan satu skim baharu untuk pembiayaan PMKS masyarakat Cina sebanyak RM50 juta akan dilancarkan pada Januari tahun depan.
3. Dalam mesyuarat tadi, pengurusan tertinggi KUSKOP telah diarahkan untuk segera menyemak semula semua proses, prosedur serta kos kepada pemegang taruh khususnya PMKS dan koperasi dan melaksanakan pengurangan tempoh masa serta kos pemprosesan bagi memastikan kecekapan perkhidmatan dan mewujudkan persekitaran yang mesra perniagaan (business-friendly environment).

Akhir sekali, saya akan bekerjasama rapat dengan Timbalan Menteri yang juga baru dilantik, YB Datuk Mohamad Alamin serta seluruh warga KUSKOP bagi memastikan ekosistem PMKS dan koperasi di Malaysia mesra perniagaan, cekap dan berdaya saing.

Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan Menteri dan Timbalan Menteri KUSKOP, YB Datuk Ewon Benedick dan YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan atas sumbangan dan kepimpinan mereka selama ini.

STEVEN SIM CHEE KEONG
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
18 DISEMBER 2025